

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: UPACARA PERASMIAN PEMBUKAAN KILANG BARKATH CO-RO  
MANUFACTURING SDN. BHD.

TEMPAT: KAWASAN PERUSAHAAN MAKMANDIN, PULAU PINANG

TARIKH: 18 JUL 1994

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Syarikat Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk merasmikan pembukaannya pada hari ini.

2. Tahniah juga diucapkan kepada Kumpulan Barkath Sdn. Bhd. kerana telah berjaya mengadakan usahasama dengan Co-Ro Food A/S Denmark. Ini merupakan satu langkah yang baik yang akan membuka lebih banyak lagi peluang untuk aktiviti-aktiviti nilai ditambah dengan wujudnya teknologi asing yang dapat meningkatkan produktiviti dan pengeluaran industri tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk mengalakkan usahasama di antara syarikat-syarikat Bumiputera dengan syarikat-syarikat asing untuk membolehkan syarikat Bumiputera meningkatkan lagi mutu perniagaan mereka. Oleh itu, inovasi dan ketekunan yang ditunjukkan oleh Kumpulan Barkath ini diharapkan akan mendorong syarikat-syarikat Bumiputera lain untuk mempertingkatkan usaha bagi memasuki pasaran baru dan mengadakan usahasama.

4. Penyertaan Bumiputera secara meluas di sektor moden seperti pembuatan diberi penekanan selaras dengan peningkatan peranan yang lebih besar dan dinamik dalam sektor ini dimasa hadapan. Pada hari ini sektor perkilangan telah berkembang pesat dan terus menjadi penggerak utama pertumbuhan ekonomi dan merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semenjak tahun 1987.

5. Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK telah meningkat daripada 22 peratus pada tahun 1987 kepada 30 peratus pada tahun 1993. Dalam tahun-tahun akhir Rancangan Malaysia Keenam, sektor pembuatan dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan dua angka sebanyak 12 peratus setahun dan sumbangannya kepada KDNK pula diunjurkan meningkat kepada 32 peratus pada tahun 1995. Di dalam usaha untuk mencapai status negara perindustrian yang maju, tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh sektor pembuatan tidak dapat dinafikan lagi.

6. Dasar kerajaan adalah untuk terus memperkukuh dan mempelbagaikan asas perindustrian negara. Mengikut Pelan Induk Perindustrian Malaysia, industri pemprosesan makanan telah dikenalpasti sebagai salah satu industri yang perlu diberi keutamaan dalam pembangunan perindustrian.

7. Adalah didapati bahawa pengeluaran industri pemprosesan makanan telah meningkat daripada RM4.6 billion pada tahun 1986 kepada RM9.4 billion pada tahun 1993. Sub-sektor yang menjadi penyumbang utama adalah pengeluar-pengeluar keluaran 'dairy products and animal feeds, sugar refineries', pengeluar minuman dan pemprosesan tepung. Kini, dianggarkan bahawa 70 peratus bahan mentah yang digunakan dalam industri ini adalah diimport. Walaupun prestasi eksport sektor ini semakin bertambah baik, iaitu eksport telah meningkat daripada RM812 juta pada tahun 1986 kepada RM2,026 juta pada tahun 1993, import telah turut juga meningkat daripada RM1,129 juta kepada RM2,363 juta dalam tempoh yang sama. Oleh itu, Malaysia pada keseluruhannya masih merupakan pengimport bersih makanan yang diproses. Keadaan ini perlulah diperbaiki.

8. Di samping itu, industri minuman juga dijangka akan berkembang dengan pesatnya di masa akan datang memandangkan prospek ekonomi yang begitu menggalakkan. Permintaan tempatan untuk minuman ringan dijangka berkembang maju dengan peningkatan 'popularity' kedai-kedai makanan segera dan peningkatan penduduk di negara ini.

9. Sebagai usaha untuk menggalak industri minuman tempatan, kerajaan telah menawarkan beberapa galakan cukai. Pengeluaran jus buah-buahan dengan menggunakan buah-buahan tempatan adalah digalakkan dan mengikut skim ini adalah layak untuk dipertimbangkan galakan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Ini adalah untuk mewujudkan industri pengeluaran dan pemprosesan makanan yang kukuh dengan meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti nilai ditambah. Penubuhan projek seumpama ini akan dapat membantu perkembangan industri minuman di negara kita terutama untuk memastikan pembangunan jangka panjang industri pengeluaran makanan dan industri pemprosesan yang berkaitan. Tambahan pula aktiviti pengeluaran buah-buahan masih ditahap awalan di negara kita. Oleh itu, saya menyeru usahawan-usahawan tempatan supaya mengkaji dengan teliti bidang tersebut demi merebut peluang yang sedia ada.

10. Di samping memenuhi permintaan tempatan, terdapat juga skop untuk mengeksport jus buah-buahan ke luar negara. Dalam hal ini, eksport jus buah-buahan dan sari jus buah-buahan Malaysia pada tahun 1993 hanyalah sebanyak RM17 juta manakala pasaran antarabangsa untuk jus buah-buahan dianggarkan sebanyak RM11 billion. Oleh yang demikian, masih terdapat banyak peluang untuk syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya usahawan Bumiputera, untuk menceburi bidang ini dan bersedia bersaing di pasaran antarabangsa.

11. Dalam usaha kita mempergiatkan pembangunan industri berorientasikan eksport, satu hakikat yang harus diambil kira ialah proses perindustrian melibatkan beberapa perubahan pesat, terutama dalam tingkat teknologi yang meliputi aspek-aspek kemahiran serta keupayaan pengurusan di peringkat antarabangsa. Kemajuan teknologi yang tinggi amat diperlukan untuk membolehkan negara terus bersaing dalam ekonomi dunia.

12. Untuk membolehkan kita berdaya saing di pasaran antarabangsa, kita perlu meninggikan tahap teknologi, kemahiran keusahawanan dan kualiti pekerja dan pengurusan. Dalam hal ini diperhatikan bahawa kilang Syarikat Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn. Bhd. adalah antara kilang-kilang yang memberi penekanan kepada kualiti serta teknologi dengan memastikan bahawa automasi digunakan dalam proses pengeluaran. Memang benar bahawa pemindahan teknologi adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan memantapkan asas proses perindustrian di negara ini demi menjamin pembangunan ekonomi jangka panjang. Pemindahan teknologi dapat mewujudkan kesan rantaian yang positif ke atas industri-industri tempatan melalui kepakaran dan kemahiran yang dicapai oleh buruh tempatan.

13. Walau bagaimanapun, konsep pemindahan teknologi yang lengkap dan sempurna harus meliputi aspek penguasaan teknologi yang lebih luas dan dapat disebarkan ke sektor-sektor lain dalam ekonomi. Seterusnya, keadaan ini dapat membuka jalan kepada pengubahsuaian dan pembangunan teknologi tempatan.

14. Adalah diharapkan dengan adanya lebih banyak usahasama syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat asing, maka pembangunan teknologi industri tempatan akan dapat dipercepatkan. Kerajaan akan terus menyediakan infrastruktur asas serta suasana yang sesuai untuk pembangunan teknologi.

15. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan kilang Barkath Co-Ro Manufacturing Sdn. Bhd.